

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 49 RABU 5HB. DISEMBER, 1973. 1393 ذوالقعدة 10 رابو PERCHUMA

Penuntut2 yg di-panggil pulang di-beri kerja sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 62 orang dari penuntut2 Brunei yang di-panggil pulang dari Semenanjung Malaysia baru2 ini telah ditempatkan di-jabatan2 Kerajaan untuk berkhidmat sementara.

Langkah untuk memberikan pekerjaan sementara kepada mereka ada-lah merupakan satu usaha sementara menunggu tempat2 yang sesuai bagi mereka menyambung pelajaran di-pusat pengajian yang akan di-tentukan nanti.

Sa-ramai 13 orang dari mereka di-tempatkan di-Jabatan Pelajaran; 12 orang di-Jabatan Pertanian; 9 orang di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan; 6 orang di-Jabatan Kewangan; 6 orang di-Jabatan Kerja Raya; 3 orang di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka; 2 orang di-Jabatan Letrik dan 2 orang lagi di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Enam buah jabatan yang lain lagi telah di-bekalkan sa-orang dalam tiap2 satu jabatan ia-itu Jabatan Penchen Negara, Kebajikan Mashara-
(Lihat muka 8)

K'jaan punyai simpanan beras yang menchukopi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan dalam satu kenyataan yang di-ke-luarkan pada minggu lalu telah mengesahkan lanjutan bagi bekalan beras.

Kerajaan menyakinkan bahawa ke-dai2 boleh memperoleh bekalan2 yang menchukopi untuk kegunaan orang ramai tetapi tidak kepada peringkat di-mana orang2 yang tidak bertanggung-jawab mungkin mengexpot beras dari negeri ini untuk keuntongan mereka.

Kenyataan itu berkata bahawa orang2 tersebut pada masa2 yang lalu membuat laporan2 palsu atau khabar2 angin yang boleh menyebabkan kebimbangan di-kalangan orang ramai sementara beberapa orang yang tidak berfikiran waras menyebarkan khabar2 angin dan yang lain mengambil kesempatan bagi diri-nya.

Satu lagi khabar2 angin yang terdapat tidak lama dahulu ia-lah bahawa Kerajaan konon-nya sedang mengalami kekurangan beras. Ada terdapat beribu2 tan beras dalam simpanan Kerajaan dan tidak terdapat kekurangan.

Hukuman atas tuduhan di-mahkamah bagi orang yang menyebarkan berita2 palsu yang boleh menyebabkan kebimbangan ia-lah satu tahun penjara atau denda sa-banyak \$1,000 atau kedua2-nya sekali.
(Lihat muka 8)



Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd. Aziz (membelakangi kamera) mengucapkan selamat belayar kepada dua orang Pegawai Perhubungan, Awang Yahya bin Haji Ibrahim (kanan) dan Awang Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab.

BAKAL2 HAJI DI-SERU MENERJAKAN IBADAT HAJI DENGAN SEMPURNA

BERAKAS. — Sa-ramai 401 orang jemaah2 haji Brunei telah berlepas ka-Jeddah pada hari Isnin dalam perjalanan mereka untuk menunaikan fardhu haji.

Sa-belum mereka menaiki kapal terbang TriStar yang di-sewa khas, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah

memberi ucapan nasihat kepada jemaah2 haji itu.

Beliau menasehatkan bahawa jemaah2 haji berada dalam masa yang panjang di-Mekah, mereka hendaklah mengerjakan ibadah haji dengan sempurna.

Kata-nya, semasa berada di-Mekah jemaah2 haji itu hendaklah bermufakat menyelesaikan masalah mereka sendiri serta menjauhkan diri anasir2 yang tidak di-ingini yang boleh merosakan diri mereka dan negara.

Pegetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu juga menasehatkan kepada mereka yang berhajat untuk menunaikan fardhu haji tahun hadapan terutama mereka yang merasakan diri-nya berpenyakit supaya berjumpa doktor mulai dari sekarang untuk menentukan jenis penyakit-nya untuk di-beri ubat.

Lebeh 2,000 orang saudara mara, keluarga dan sahabat handai jemaah2 haji telah berada di-lapangan terbang dari awal2 lagi untuk
(Lihat muka 8)

Ranchangan bekalan ayer K.B. hampir siap

KUALA BELAIT. — Kerja2 ka-atas ranchangan bekalan Ayer Sungai Belait yang berharga \$8 juta hampir2 siap dan akan mula di-gunakan tidak lama lagi.

Sa-orang juruchakap Messrs Binnie and Partners, sharikat yang mereka dan

mengawasi kerja2 pembinaan bagi pehak kerajaan Brunei, menyatakan bahawa kerja2 menanam paip ayer yang menyalurkan ayer dari tangki yang ada sekarang di-Batu 3 Kuala Belait ka-Steshen baru Pembahagian Ayer, juga telah selesai baru2 ini.

Juruchakap itu berkata,

kerja2 ka-atas tempat pembubuh ubat di-Seria dan steshen pam ayer di-Badas juga telah selesai.

Apabila siap nanti, ranchang tersebut akan membekalkan 3,000,000 gelen ayer bertapis sa-hari bagi kawasan2 di-Kuala Belait, Seria dan Sungai Liang.



GAMBAR atas menunjukkan pekerja2 Pejabat Lembaga Bandaran sedang bekerja memasang slip2 batu untuk kawasan tamu di-pinggir padang di-Bandar Seri Begawan.

Kerja2 itu di-buat berikutan dengan arahan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz kepada Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran yang melawat kawasan tamu baru2 ini.

Dengan siap-nya nanti kerja2 memasang slip2 batu di-tamu itu, petani2 yang menjual dagangan mereka tidak akan menghadapi sebarang kesulitan dan mengelakkan daripada menjual chara bertompok2 dan berselirak di-tempat2 yang tidak sesuai.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan mensifatkan usaha2 kaum tani membayangkan hasil tanaman mereka sa-bagai menggalakkan berikutan dengan bertambah-nya hasil2 yang di-jual di-tamu yang ada sekarang.

Mulai 1hb. Disember yang lalu, dagangan di-kawasan tamu itu telah di-adakan pada tiap2 hari.

Pada tiap2 hari Isnin hingga Rabu tamu di-mulakan dari jam 4.00 petang manakala tiap2 hari Khamis hingga Ahad tamu akan di-adakan di-sepanjang hari seperti tamu biasa.

Simpan moto-sangkut2 di-tempat yg selamat — nasehat Polis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak Polis menasihatkan orang2 yang mempunyai jentera moto-sangkut supaya menyimpan-nya itu di-tempat2 yang selamat dan dengan mengunci-nya apabila ia-nya tidak di-gunakan di-waktu malam.

Seruan ini di-buat berikutan beberapa kechurian jentera2

moto-sangkut beberapa waktu kebelakangan ini.

Pada bulan lalu enam buah moto-sangkut telah di-churi dan pihak polis perchaya, orang2 yang melakukan pekerjaan itu telah membawa jentera2 tersebut keluar negeri.

Jentera2 tersebut semua-nya di-churi dari perahu2 di-waktu malam dan suboh.

LAGI DERMA UNTUK MANGSA KEBAKANAN DI-TERIMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekerja Kanan Kebajikan, Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Bujang, baru2 ini telah menerima sum-

bangian derma sa-banyak \$54.00 dari Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiarong untuk bantuan kepada mangsa kebakaran Awang Jais bin Abu Bakar.

Wang itu telah di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Mohamed Jaafar bin Karim.

Abang Abu Hanifah kemudian-nya menyampaikan wang tersebut kepada Awang Jais.

Melalui Pekerja Kanan Kebajikan, Awang Jais mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiarong atas derma tersebut.

Sementara itu, baru2 ini Abang Abu Hanifah bagi pihak Pesuruhjaya Kebajikan telah menyampaikan derma sa-banyak \$200.00 dari pejabat itu kepada mangsa kebakaran Dayang Siti Hawa binte Osman di-Kampong Keramat Tutong.

Lebih 140 orang masok b-radio

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 140 orang peserta di-Daerah Brunei-Muara telah mendaftarkan nama untuk menyertai pertandingan Bintang Radio bagi tahun 1973 yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Pertandingan itu terbuka kepada semua warga negara Brunei lelaki dan perempuan, yang berumur antara 18 tahun ka-atas.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

12 orang guru ikuti kursus Bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 12 orang guru, termasuk 5 orang guru perempuan dari sekolah2 rendah Melayu di-Daerah Brunei-Muara telah menghadiri kursus bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, di-Bandar Seri Begawan.

Kursus anjoran Jabatan Pelajaran itu akan tamat pada 13hb. Disember.

Ia-nya di-kelolakan oleh Awang M.T. Williamson dan di-bantu oleh pegawai2 bimbingan Awang Mohammad bin Haji Karuddin, Awang Shaban bin Abdul Hamid dan Awang Ismail bin Opak.

Sementara itu satu kursus mengajar ilmu hisab modern bagi Tingkatan Dua telah di-adakan sa-lama enam hari di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, di-Jalan Muara.

Sa-ramai 29 orang guru termasuk 10, orang guru perempuan dari sekolah2 menengah Melayu, Inggeris dan Misi di-seluruh negeri, menghadiri kursus tersebut.

Kursus tersebut di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran dan di-awasi oleh Awang J.D. McDonald dan di-bantu oleh Awang Abdul Rahman Razali dan Awang Yap Chin Hee.

PASOKAN bola sepak GUTHRIE dari Singapura dalam lawatan-nya ka-Brunei telah mengadakan tiga perlawanan persahabatan dengan pasukan tempatan.

Pada hari Khamis lepas pasukan GUTHRIE telah mengalahkan pasukan Yang Di-Pertua BAFA dengan 4—3; dalam perlawanan kedua mengalahkan pasukan Negeri Brunei dengan 4—3 dan dalam perlawanan ketiga pasukan pelawat itu telah tewas di-tangan pasukan Gurkha dengan satu gol tidak berbalas.

Semua perlawanan telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan.

Gambar bawah menunjukkan pasukan GUTHRIE bergambar ramai dengan pasukan Negeri Brunei sa-belum perlawanan di-mulakan.



DALAM kehidupan manusia selalu terjadi suka dan duka bagaikan ayer laut, kadang2 pasang dan kadang2 surut. Ada pun yang menyebabkan dukachita itu ada bermacam2, tetapi dalam garis besar-nya kerana tiga perkara:

- Pertama: Kerana di-timpa musibah.
- Kedua: Kerana mengalami dan menghadapi kesulitan.
- Ketiga: Kerana menengangkan pengalaman2 yang lalu.

Tiap2 manusia tidak dapat mengelakkan diri dari musibah. Musibah itu ada kalanya berupa kemalangan (kematian), terkena kechelakaan, di-timpa bencana, di-serang penyakit dan sebagainya. Takala di-timpa musibah itu biasa-nya timbul-lah perasaan dukachita. Kadang2 perasaan

Hanya orang yg dapat menguasai diri-nya dan lekas2 kembali kpd ajaran2 Allah saja-lah yg akan dapat mengatasi perasaan dukachita

itu membawa sa-seorang itu bermenong, semangat-nya menjadi pudar, kemahuan-nya patah, makan tak kenyang dan tidor tak lena, malahan sampai membawa sa-seorang itu di-timpa penyakit dan mengalami kerusakan jiwa yang berpanjangan. Hanya orang yang dapat menguasai diri-nya dan lekas2 kembali kepada ajaran2 Allah sahaja-lah yang akan dapat mengatasi perasaan tersebut kerana musibah tersebut ada-lah merupakan chubaa terhadap iman sa-seorang sa-bagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 dan 156 yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya kami akan memberikan chubaa kepada kamu berupa ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, kekurangan jiwa (kematian), kekurangan buah2an. Sam-paikan-lah berita gembira kepada orang2 yang bersikap sabar, ia itu orang2 yang apabila mendapat perchubaaan mereka menyatakan: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada-nya kami akan kembali".

Dengan sikap sa-demikian maka perasaan dukachita itu akan dapat di-batasi.

Ada pun sebab yang kedua: ia itu dukachita yang timbul kerana mengalami dan menghadapi kesulitan, juga memang tidak dapat di-hindari dari kehidupan ini. Kesulitan itu bermacam2 bentuk-nya dan terdapat dalam

SEBAB2 MENGAPA KITA BERDUKACHITA



KHUTBAH JUMA'AT

berbagai2 bidang kehidupan. Ada kala-nya kesulitan dalam keluarga, kesulitan dengan jiran sebelah-menyebelah, kesulitan dalam penghidupan, kesulitan dalam usaha mencapai chita2 dan berbagai2 lagi. Berat dan ringan-nya tekanan kesulitan itu di-tentukan oleh sikap jiwa kita sendiri. Sikap jiwa itu dapat di-bahagikan kepada dua bahagian:

Pertama: Sikap jiwa yang positif dan kedua, sikap yang negatif. Sikap jiwa yang positif akan menghadapi kesulitan demi kesulitan dengan menegakkan kepala, hati tenang, fikiran jernih tidak kehilangan ke-seimbangan. Ditilik-nya segala sebab-mesebab kesulitan itu dari segala segi dan sudut kemudian di-chari-nya jalan keluar dari kesulitan tersebut, sekurang2nya untuk meringankan-nya.

Sebaliknya sikap jiwa yang negatif, menghadapi sa-tiap kesulitan dengan semangat yang lesu, menyerah, guggup dan hilang akal, sa-hingga akhirnya ia di-kuasai oleh kesulitan itu sendiri.

Mengenai sebab yang ketiga yang menimbulkan dukachita ia-lah kerana selalu mengenangkan keadaan yang lalu terutama di-zaman kejayaan. Umpama-nya sa-orang yang sedang mengalami kejatohan, pada hal sebelum-nya dia sudah mencapai puncak kesenangan. Dahulu sudah mempunyai perniagaan yang besar, tiba2 jatuh bengkrap. Jika orang yang demikian tidak dapat menyesuaikan diri-nya dengan kenyataan2 yang menimpa diri-nya itu, baik chara berfikir-nya mau pun chara hidup-nya dan hanya menengang2 zaman emas-nya, maka ia akan terus di-hanyutkan oleh arus dukachita yang tidak boleh menulung-nya sedikit jua pun.

Untuk menghadapi segala macham perasaan dukachita seperti yang kita sebutkan tadi, Tuhan telah memberikan pegangan di-dalam Quran sa-bagaimana firman yang bermaksud:

"Jangan-lah kamu merasa rendah diri dan jangan pula berdukachita sebab kamu adalah umat yang tinggi, jika sungguh2 kamu beriman".

Mari-lah kita kembali kepada ajaran2 Allah, semoga kita akan dapat mengatasi sebarang perasaan dukachita yang sememangnya kadang2 melanda kehidupan kita.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5hb. Disember, hingga ka-hari Selasa 11hb. Disember, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
5hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14
6hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
7hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
8hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
9hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
10hb. Dis.	12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17
11hb. Dis.	12-20	3-39	6-16	7-30	4-46	5-01	6-19

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Majalah Tafsir Darussalam siri ke-24 sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-24 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (277) hingga (286) dari surah Al-Baqarah dan huraian ayat (1) hingga (10) dari surah Ali-Emran.

Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Menjalani pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 200 orang chulun termasuk 35 daripada-nya dari Bandar Seri Begawan sedang menjalani pepereksaan City and Guild.

Pepereksaan itu di-jalankan di-lima buah pusat, dua di-Seria, dua di-Kuala Belait dan satu di-Bandar Seri Begawan dan akan berakhir pada 31hb. Disember ini.

Bangunan sementara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembinaan sa-buah bangunan sekolah sementara di-Kampung Bebuloh di-Daerah Brunei-Muara sedang berjalan lancar, dan ia-nya di-jangka siap awal tahun depan.

Pembinaan sekolah itu di-bawah pengawasan Pejabat Daerah Brunei-Muara sementara Jabatan Pelajaran akan menyediakan keperluan2 yang mustahak, seperti guru2 dan buku2 teks, apabila pembinaan sekolah sementara itu siap.

Pejabat pindah

BAHAGIAN Pendidikan Jasmani di-Jabatan Pelajaran baru2 ini telah pindah ka-bangunan kelas E 13 Jalan Sekolah berhadapan dengan padang SMJA di-Bandar Seri Begawan.

Semua surat2 yang hendak ditujukan ka-Pejabat itu hendak-lah di-alamatkan Bahagian Pendidikan Jasmani Jabatan Pelajaran, E 13 Jalan Sekolah.

(5hb. Disember, 1973)

SUNGUTAN BERAS

KEHABISAN beras di-kedai2 hari Khamis hingga Ahad kebelakangan ini sekali lagi telah menimbulkan rasa gelisah di-kalangan orang ramai dengan membuat berbagai ramalan dan tafsiran yang berbedabeda dan ada satengah-nya mensifatkan konon-nya pekedai2 tidak mahu jadi wakil pengedar beras lagi kerana keuntungan-nya tidak lumayan.

Tetapi sabener-nya, alasan2 yang di-berikan oleh pekedai kepada orang ramai barangkali ada juga benar-nya kerana kehabisan beras di-kedai2 baru2 ini disebabkan waktu terima gaji dan sa-chara kebetulan pula musim haji yang bakal2 haji terpaksa membawa sedikit bekal dengan sebab itu di-yakinkan beras chepat habis di-kedai2.

Ada pula satengah-nya tidak percaya dengan alasan2 yang di-berikan oleh pekedai2 itu lantas terus masuk ka-belakang melihat tempat2 yang di-perchayai ada-nya beras di-simpan, tetapi hampa hanya yang ada karong2 guni kosong yang di-tunjukkan.

Rata2 pekedai meyakinkan kepada pembeli bahawa beras akan ada dalam sa-hari dua lagi (hari Selasa kelmarin yang di-janjikan) dari Setor2 Kerajaan dan jaminan itu nampak-nya sungguh menyenangkan dan dalam masa menunggu pada hari yang di-janjikan itu mereka terpaksa berikhtiar mendapatkan beras tugal atau beras paya yang harga-nya lebih tinggi dari harga beras biasa.

Menurut pekah pekedai2 lagi, pengangkutan dan masalah buruh yang kian sibok ada-lah menjadi satu puncha utama sebab-nya beras tidak dapat di-angkut dari Setor Kerajaan dengan chepat dan itu-lah sebab-nya beras kadang2 ada dan kadang2 tidak.

Orang ramai yang tidak mengetahui kedudukan itu dengan pasti telah membawa berbagai ramalan, menurut apa yang di-ketahui mereka sa-jauh ini bahawa Setor Kerajaan tidak kehabisan beras berikhtian dengan beberapa tan beras tiba di-Brunei baru2 ini.

Kerajaan dalam satu kenyataan-nya kepada semua pekedai beberapa bulan lalu telah memberi amaran supaya beras yang ada di-bekalkan kepada mereka hendaklah di-jual kepada orang ramai, jangan di-sembunyi untuk tujuan2 yang bertentangan dengan peratoran2 yang ada sekarang.

Nampak-nya amaran2 Kerajaan itu telah di-akui pekedai tetapi tidak kurang juga di-antara mereka telah di-potong nama-nya dari Setor Kerajaan kerana telah terbokti menyimpan beras tetapi enggan menjual kepada orang ramai.



662 ORANG UMAT ISLAM NAIK Haji TAHUN INI

SA-RAMAI 622 orang umat Islam di-negeri ini menunaikan fardhu haji pada musim haji 1973/74 ini.

Ini ada-lah jumlah yang paling banyak menunaikan fardhu haji dalam tahun ini dibandingkan dengan tahun2 yang lalu.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 629 orang pergi dengan menaiki kapal terbang dan sa-ramai 33 orang lagi pergi dengan kapal laut.

Rombongan pertama yang menaiki kapal terbang mengandungi sa-ramai 401 orang

termasuk dua orang pegawai perhubungan, empat orang rombongan perubatan telah berlepas ka-Jeddah pada hari Isnin lepas manakala rombongan kedua yang mengandungi sa-ramai 228 orang berlepas pagi ini. Rombongan kedua ini akan di-sertai oleh dua orang pegawai perhubung. Mereka ia-lah Awg. Hj. Sabtu bin Mohammad dan Awang Hj. Zainal bin Hussain.

Mereka telah menaiki sa-buah kapal terbang yang di-sewa khas ia-itu sa-buah kapal terbang jenis baru TriStar yang boleh memuat lebih 400 orang penumpang.

Kapal terbang TriStar ketika dalam penerbangan. Lima buah sharikat penerbangan yang terbesar telah menggunakan kapal terbang jenis seperti ini untuk perkhidmatan membawa penumpang sa-tiap hari.



Pandangan dalam kapal terbang Lockheed TriStar jenis L-1011.

Sa-bahagian daripada jemaah2 haji ketika hendak menaiki kapal terbang.

Pandangan kesebokkan di-lapangan terbang antara bangsa Brunei ketika 401 orang umat Islam berlepas ka-Jeddah pada hari Isnin lepas.



Sa-baik2 saja kapal terbang tersebut meninggalkan lapangan terbang, saudara mara dan sahabat handai melambai2kan tangan sambil berdo'a semoga mereka selamat sampai dan kembali ka-tanah ayer.



Y.D.M. Pehin Udana Khatib Haji Mohd. Tamin bin Abd. Hamid membacakan do'a selamat sa-jurus sa-belum jemaah2 haji itu meninggalkan lapangan terbang antara bangsa Brunei.



Sa-bahagian dari jemaah2 haji menuju ka-kapal terbang yang membawa mereka ka-Jeddah pada hari Isnin lepas.



Awang Mohd. Ali bin Mohd. Daud, Pengadil Stipendiary dan isteri (no. 2 dari kiri) ada-lah di-antara yang menunaikan fardhu haji pada tahun ini.



Rombongan perubatan yang di-ketuai oleh Dr. Haji Johar bin Haji Nordin (no. 2 dari kanan) yang turut mengiringi jemaah2 haji tersebut. Dari kiri: Dayang Halimah binte Abdul Latif, Awang Omar bin Burut dan Awang Haji Abd. Wahid bin Awang Besar (kanan sekali).

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

SA-BAGAI KERANI/PENTERJEMAH CHINA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan bagi jawatan Kerani/Penterjemah China di-Jabatan Pulis Diraja, Brunei.

Hanya chalu2 yang mempunyai kelayakan2 sekolah di-kehendaki memohon.

Kelayakan2:

- (a) Lulus Senior Middle Chinese

dan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa China atau yang sa-banding.

- (b) Berpengalaman dalam pekerjaan menterjemah.

Tugas2:

Menterjemah surat2 dari bahasa Inggeris ka-bahasa China dan sa-

balek-nya serta sebarang tugas2 kerani yang lain.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh percutaan.

Baksis:

Bagi Chalun yang di-lantek sa-chara berkotrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Disember, 1973.

Sa-bagai Ketua

Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Permohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Januari, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuh jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Kupang, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Lamunin, Tutong.
- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Birau, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keopathy bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah sa-perti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. Januari, 1974.

Tawaran mengurus

tuck-shop

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Bandar Seri Begawan tidak lewat daripada jam 4.00 petang pada hari Isnin 24hb. Disember, 1973 untuk menguruskan sa-buah TUCK-SHOP di-Sekolah Persediaan Inggeris, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar kepada Kerajaan bayaran tetap sa-banyak \$26.00 sa-bulan sa-bagai penggunaan tempat tersebut.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar segala tuntutan bayaran bekalan letrik, gas dan ayer yang di-gunakan di-tempat itu.

Segala alat perkakas yang di-gunakan untuk menjalankan tuck-shop itu hendak-lah di-sediakan oleh pemborong itu sendiri.

Tawaran ini akan berjalan sa-lama dua tahun mulai dari tarikh perjanjian di-tanda-tangani.

Tawaran hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul surat yang tertutup dan di-alamatkan kepada sa-perti para I dan di-tanda dengan terang PELAJARAN — TUCK-SHOP SEKOLAH (Education — School Tuck-shop).

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau pun sebarang tawaran.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

KENYATAAN TAWARAN KANTIN SEKOLAH MENENGAH UGAMA RAJA ISTERI ANAK DAMIT

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk menyewa bagi menguruskan perkhidmatan Kantin Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong sa-lama 2 tahun mulai awal Januari, 1974 hingga dan termasuk 31hb. Disember, 1976.

Tawaran hendak-lah di-hantarkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 11hb. Disember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika sebarang tawaran lewat di-terima dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

Wang chengkeram mengenai perkara ini ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$50.00 dan boleh di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Bahagian Kewangan pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang.

Untuk mendapatkan keterangan2 lebih lanjut mengenai perkara itu dan pehak pemborong boleh-lah berhubung terus kepada Pengetua Sekolah yang berkenaan.

Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang paling murah atau seumpama-nya.

KENYATAAN TAWARAN KANTIN SEKOLAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH

Pemborong2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk menyewa bagi menguruskan perkhidmatan Kantin Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassan al Bolkiah Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong sa-lama 2 tahun mulai awal Januari, 1974 hingga dan termasuk 31hb. Disember, 1976.

Tawaran hendak-lah di-hantarkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 11hb. Disember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika sebarang tawaran lewat di-terima dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

Wang chengkeram mengenai perkara ini ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$50.00 dan boleh di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Bahagian Kewangan pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sa-hingga jam 3.00 petang.

Untuk mendapatkan keterangan2 lebih lanjut mengenai perkara itu dan pehak pemborong boleh-lah berhubung terus kepada Pengetua Sekolah yang berkenaan.

Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang paling murah atau seumpama-nya.

(HAJI ABDULLAH METASSAN)
bp. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama,
Brunei.

Jangan biarkan binatang2 ternakan berkeliaran

TUTONG. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Tutong baru2 ini telah menggesa tuan2 punya kerbau, lembu, kambing dan babi supaya memelihara dengan baik dan jangan membiarkan binatang itu merayau2 dengan bebas, merosakkan tanaman penduduk2 kampong dan merosakkan jalan2 kechil.

Gesaan ini telah di-buat dalam majlis meshuarat Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang telah di-adakan di-Pekan Tutong baru2 ini.

Kampong2 yang terlibat oleh binatang2 itu ia-lah Kampong Likas, Bandung, Layong, Panchong, Birau dan Luang

Duduk.

Dalam majlis meshuarat itu, penghulu2 dan ketua2 kampong telah menyeru tuan2 punya binatang ternakan itu supaya membuat pagar untuk mengawal ternakan mereka dari terbiar bebas merayau2, hingga merosakkan tanaman penduduk kampong, terutama sekali bagi menjaga jalan2 kechil yang merupakan perhubungan penting penduduk2 kampong.

Ternakan yang tidak terawal dan merayau2 di-jalan raya juga boleh mengganggu lalu lintas dan mengakibatkan kemalangan kepada pengguna jalan raya.

JAWATAN² KOSONG

SA-BAGAI GURU SEKOLAH ARAB DI-J.H.E.U.

Sa-bagai Bidan Pelajar

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berke-layakan untuk di-lantek sa-bagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Mesti-lah berumur tidak kurang 25 tahun.

(b) Hendak-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Aljuned, Singapura atau yang sa-banding dengannya.

Sa-bagai Atendan Rumah Sakit

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Atendan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalu2 yang terpilih akan ditempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan. Gedung2 Ubat dan di-Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2-3-4 EB. 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Januari, 1974.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam Daerah Temburong.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya kelas III dan V dengan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 seperti yang di-atorkan oleh Ketua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB.3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb. Januari, 1974.

(c) Mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun, dan tidak kurang 5 tahun daripadanya berpengalaman mengajar matapelajaran Bahasa Arab.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 (\$710x30 — \$950).

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis

Di-Jabatan Penjaran dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penjaran dan Penerangan, Brunei.

I) PEMBERITA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengannya. Kebolehan menaip ada-lah satu kelebihan.

Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berke-layakan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds Intermediate atau kelayakan2 tempatan lain yang sa-banding dengannya. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktik dalam pembinaan dan/atau pemeliharaan ranchangan2 saloran najis.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji kan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb. Januari, 1974.

sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb. Januari, 1974.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

II) PEGAWAI KECHIL TEKNIK JAWATAN RENDAH:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengannya. Pengalaman mengenai kerja2 di-studio akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB.3 — \$220x10-250 / 260x10-290 / EB / \$300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb. Januari, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh Temburong.

b) MERBUT (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek ka-jawatan Bidan Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau yang se-banding dengannya, dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu. Pertimbangan yang sewajarnya akan di-beri terhadap kelayakan pelajaran yang di-perolehi.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang bersedia untuk kembali ka-kampung masing2 untuk berkhidmat sa-bagai Bidan sa-telah memperolehi kelayakan.

Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 20 tahun.

Latehan:

Chalu2 yang berjaya akan menjalani kursus latehan sa-lama dua tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Sa-telah menamatkan latehan sa-lama enam bulan, bidan pelajar yang tidak menchapai darjah yang memuaskan dalam menjalani latehan ini akan di-berhentikan daripada jawatan mereka.

Mereka ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan di-akhir kursus latehan tersebut.

Sukatan Gaji:

Bidan Pelajar — \$152.00 sabulan.

Bidan Terlateh — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Bidan — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Bidan Pelajar yang di-lantek dibawah peraturan ini akan berhak mendapat pakaian seragam dan alaan dhobi.

Bidan terlateh berhak bagi mendapat sokongan ka-jawatan Bidan.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb. Januari, 1974.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-

Jawatan BILAL — U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 19hb. Januari, 1974.

PEMBAYARAN PERKHIDMATAN PENCHEN2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah \$128,112.50 telah di-bayar oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Penchen2 Negara untuk perkhidmatan kebajikan penchen2 bagi bulan Nember yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara menunjukkan sa-jumlah \$122,962.50 di-bayar bagi perkhidmatan penchen umur tua; \$4,387.50 untuk perkhidmatan penchen orang2 buta serta tanggungan mereka dan \$762.50 untuk alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata pembayaran kasar bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 bulan lalu:

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 68,450.00
Daerah Belait	23,612.50
Daerah Tutong	24,675.00
Daerah Temburong	6,225.00
Jumlah:	122,962.50

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONG-NYA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 2,925.00
Daerah Belait	537.50
Daerah Tutong	700.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,387.50

ALAAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan Muara	\$ 500.00
Daerah Belait	200.00
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	762.50

Selamat belayar


(Dari muka 1)

mengucapkan selamat jalan dan selamat kembali ka-tanah ayer.

Ini termasuk-lah Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

Turut bersama2 berangkat dalam penerbangan itu ia-lah dua orang Pegawai Perhubungan. Mereka ia-lah Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Haji Tahir bin Haji Abdul Wahab.

Empat orang lagi rombongan perubatan juga menyertai rombongan itu. Mereka ia-lah Dr. Haji Johar bin Haji Nordin, Dayang Halimah binte Abdul Latif, Awang Omar bin Burut dan Awg. Haji Wahid bin Awang Besar.



SA-BUAH tongkat beroda telah di-hadiahkan kepada sa-orang pesakit lumpoh, Awang Hamzah bin Ahmad (di-tengah2). Alat tersebut di-gunakan untuk membantu beliau berjalan tanpa pertolongan orang lain.

Alat tersebut telah di-sampaikan oleh Ketua Pembantu Teknikal Bahagian Bangunan Jabatan Kerja Raya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit di-rumah sakit besar Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Alat tersebut di-buat oleh Awg. Hussain bin Panjang, sa-orang pekerja di-Bahagian Bangunan (dikanan sekali).

Awang Hamzah berumur 53 tahun telah mengidap penyakit lumpoh berikutan satu kemalangan jalan raya di-Seria dalam tahun 1968. Dari sejak itu beliau tidak dapat berjalan tanpa pertolongan orang lain. Dengan menggunakan alat tersebut beliau dapat bergerak tanpa pertolongan.

Penyampaian alat tersebut telah di-saksikan oleh Dr. Hussain bin Mohd. Daud (kiri sekali) dan Penguasa Bangunan, Awang T.M. Kennedy.

Bekerja sementara

(Dari muka 1)

kat, Tanah, Hutan, Muzium dan Jabatan Talikom.

Ketua2 Jabatan yang berkaitan telah di-arahkan supaya memberikan tugas2 dan tanggong-jawab di-jabatan masing2 mengikut kesesuaian mereka.

Penuntut2 itu akan terus menerima alaan dermasiswa seperti mana yang biasa-nya di-berikan kepada mereka.

Sementara itu, sa-ramai 18 orang penuntut yang di-bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang juga di-panggil pulang itu telah pun memulakan perkhidmatan mereka di-beberapa bahagian dalam jabatan tersebut sejak 27hb. Nobember yang lalu.

Dari jumlah tersebut, lima orang telah di-tempatkan bertugas di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, lima orang di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Empat orang dari mereka telah juga di-beri tugas pada melaksanakan perkhidmatan mereka di-Bahagian Penerangan dan Tabligh dan di-Jabatan Pelajaran Ugama.

Derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Hj. Md. Jamil Al-Sufri telah menerima sa-keping chek berharga \$500.00 untuk derma Tabong Pembinaan Stadium dari Sharikat Tractors Malaysia Berhad Bandar Seri Begawan.

Chek itu telah di-sampaikan oleh Awang John Chong selaku Penolong Pengurus Shari- kat tersebut dan di-saksikan bersama oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Lalila Dato Paduka Awang Hussein.

Tatkala menyampaikan derma itu Awang John Chong telah menyatakan bahawa derma itu tidak-lah dengan saperti-nya tetapi ada-lah di-sum-bangkan sa-bagai menjun-jong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan untuk sama2 menjayakan pembinaan stadium tersebut.

Sa-masa menerima derma tersebut Yang Berhormat itu telah menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan terhadap derma yang di-sum-bangkan oleh mereka itu kerana menjun-jong titah Baginda terhadap pembinaan stadium yang di-sebutkan dan berharap c h o n t o h dan tauladan yang baik itu akan dapat di-ikuti oleh pehak2 yang lain.

Latehan menembak

PASOKAN ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifle akan menjalankan latehan tentera dengan menggunakan peluru2 hidup pada 12hb. dan 13hb. Disember antara Ulu Sungai Lumut dan Selatan Sungai Mau.

Latehan itu terhad di-ka-wasan tersebut, dan satu ben-

Khabar2 angin: Lapor kpd pulis

(Dari muka 1)

Hukuman bagi tuduhan di-mahkamah terhadap orang2 yang menyebarkan khabar2 angin yang boleh menyebabkan ketidakimbangan orang ramai dengan tujuan yang boleh mengakibatkan orang2 melakukan kesalahan terhadap keamanan awam ia-lah penjara sa-lama dua tahun atau dengan atau kedua2-nya sekali.

Orang2 yang berfikirannya tidak semesti-nya menyebarkan khabar2 angin yang membimbangkan yang mereka dengar, tetapi hendak-lah melaporkan kepada mana2 Pega-wai2 Daerah, Penghulu atau Pegawai Pulis mengenai deng-an di-mana dan siapa yang melakukan khabar2 angin itu.

Sementara itu, 3,800 guni beras akan di-keluarkan dari Setor2 dan Perbekalan Negara di-sepanjang minggu ini kepada kedai2 di-Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong dan Temburong untuk bekalan orang ramai.

Pengeluaran bekalan beras yang baru itu telah di-mulakan sejak hari Isnin, 3hb. Disember dan sa-hingga hari ini sa-banyak kira2 1,500 guni dari jumlah itu telah pun di-bahagi2kan kepada kedai2 tersebut.

Kebanyak dari jumlah yang telah di-keluarkan itu ada-lah kepada kedai2 di-sekitar Bandar Seri Begawan. Jenis beras yang di-keluarkan itu ia-lah beras China tempahan yang tiba di-negeri ini dalam bulan September lepas.

Juruchakap Kerajaan hari ini sekali lagi mengulangi seruan kepada orang ramai supaya memberikan kerjasama yang erat dalam mengawal dari berlaku-nya kegiatan2 melarikan beras dari negeri ini.

Orang ramai boleh melaporkan dengan segera kepada pehak yang berkuasa jika terjumpa perhubungan hendak melakukan perbuatan menyeludup itu.

Juruchakap itu juga meyakinkan bahawa bekalan beras di-negeri ini ada-lah mencukupi dan menyeru orang ramai supaya tidak bimbang terhadap bekalan tersebut.

Orang ramai akan di-kibarkan di-jalan masuk ka-kawasan itu, sa-lain dari satu papan kenyataan yang memberikan amaran t e n t a n g bahaya memasuki ka-kawasan itu, sa-masa latehan di-jalankan Bendera merah juga di-kibarkan di-jalan masuk Jalan LNG ka-Badas.